



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	01.11.22	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JMG			

Harian Metro | Rabu 02.11.2022

@hmetromy f HarianMetro t @hmetromy www.hmetro.com.my 13

lokal

Oleh Noorazura  
Abdul Rahman  
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Lata Arus Deras Sungai Sedim di Kulim dekat sini, dikenal pasti sebagai antara lokasi berisiko dilanda banjir aliran puing seperti yang berlaku di Kampung Iboi, Baling dan Gunung Jerai, Yan.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, kerajaan negeri sedang beri perhatian di kawasan berkenaan dengan perubahan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

Menurutnya, kawasan itu didapati perlu dipasang sistem amaran awal bagi mengelak risiko berlakunya kemalangan jiwa dan kerosakan harta penduduk berdekatan.

"Ada beberapa lokasi perlu diberi perhatian di Sungai Sedim ini kerana ia melalui kampung penduduk dan berpotensi untuk berlakunya bencana banjir aliran puing.

"Tolok hujan yang terdapat di kawasan ini berada

### LOKASI BERISIKO BANJIR ALIRAN PUING DI SUNGAI SEDIM

# Perlu dipasang sistem amaran awal

di bawah bukit dan bukannya di tanah tinggi menyebabkan bacaan hujan yang tepat sukar dianggarkan sama ada ia berisiko berlakunya banjir atau tidak.

"Ada lagi kawasan berisiko iaitu Lata Bukit Hijau di Baling tapi tidak terlahu hampir dengan kawasan penduduk dan kebanyakan kawasan itu berada dalam kawasan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (IPNK) berbanding Lata Arus Deras Sungai

Sedim," katanya ketika persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) di Wisma Darul Aman di sini, semalam.



“Ada beberapa lokasi perlu diberi perhatian di Sungai Sedim”  
Muhammad Sanusi

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan daripada Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi (Bebas-Alor Mengku-du) mengenai langkah kerajaan negeri dalam mengenal pasti kawasan lain yang perlu diberi perhatian dan perlu dipasang sistem pemasangan sistem amaran awal banjir.

Sementara itu, Muhammad Sanusi turut menegaskan bahawa persepsi ladang durian musang king di Gunung Inas, Baling menjadi punca bencana banjir puing

memberi imej buruk kepada kerajaan negeri.

Katanya, tidak ada sebarang kajian yang dilakukan untuk mengaitkan insiden bencana itu dengan ladang durian berkenaan.

"Kita menerusi Pejabat Daerah Baling mengadakan taklimat berdasarkan fakta dan data saintifik mengenai kejadian banjir puing kepada penduduk yang terabit dengan bencana itu di Kampung Iboi 27 Oktober lalu.

"Taklimat itu disampaikan Felo Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo yang mengetuai kajian oleh Jawatankuasa Khas, Kementerian Tenaga dan Sumber

Asli (KeTSA).

"Tidak ada sebarang kajian yang menunjukkan banjir aliran puing di Baling itu adalah berpunca daripada tanaman musang king. Saya harap perkara (taklimat) ini dapat memberi kefahaman kepada penduduk bahawa sebaran sebelum ini tentang (projek) musang king dan lain-lain adalah usaha untuk memesongkan fakta serta hakikat sebenar kejadian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan daripada Abd Nasir Idris (Pas-Bayu) mengenai usaha berterusan kerajaan negeri memberi penjelasan tentang persepsi punca banjir puing di Kampung Iboi, Baling.

Selain itu, katanya, kerja mengorek pasir bagi mendalamkan Sungai Kupang di Kampung Iboi sedang giat dijalankan oleh kontraktor yang dilantik.

Menurutnya, kawasan itu bukan menjadi kuari tapi sebaliknya hanya usaha mendalamkan sungai berkenaan seperti sedia kala dengan kedalaman kira-kira lima meter sebelum ini.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia